

U 8927 AAB

MAHATHIR

1984

KUALA SELANGOR, 4 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA HENGCUBAL **SATU** UNDANG-UNDANG **BAGI** MENYEKAT PERBUATAN MENGKAFIR **SEBAMA ISLAM** YANG **KINITELAH MENYEBABKAN** PERPECAHAN DI KALANGAN **ORANG-ORANG MELAYU**, KATA PEROANA HENTERI **DATUK** SERI DR. WAHATHIR MOHAMAD HARI **INI**.

SEWAKTU BERCAKAP KEPADA **PARAPEMBERITASEMASA MELAWATI** KAMPUNG **PARIT BAHANG DI SINI, PERDANA** MENTERI BAGAIHANAPUN BERKATA KERAJAAN MASIH BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI BENTUK UNDANG-UNDANG **TERSEBUT, TETAPI**, APABILA DILAKSANAKAN NANTI **IA** AKAN MELIPUTX SEMUA **ORANG ISLAM SAMA ADA DARI KALANGAN UMNO** ATAU PAS.

+ JIKA ADA **DI** ANTARA KALANGAN ANGGOTA KEDUA-DUA PARTI MEMBUAT TUDUHAN **MENGKAFIR**, TINDAKAN AKAN TETAP DIKENAKAN TERHADAP MEREKA YANG **TERLIBAT, + TEGAS PERDANA** MENTERI.

MENGENAI KEPUTUSAN MAJLIS RAJA-RAJA YANG MEMPERAKUKAN SESIAPA YANG MENUDUH ATAU MENGANGGAP ORANG LAIN YANG BERAGAMA ISLAM **SEBAGAI KAFIR**, ADALAH MELAKUKAN PERBUATAN **HARAM, PERDANA** MENTERI BERKATA ITU ADALAH HAK RAJA-RAJA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

+ PENTADBIRAN AGAMA ADALAH HAK RAJA-RAJA DAN KERAJAAN **TIADAHAK** UNTUK MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN YANG MELIBATKAN **SOAL-SOAL AGAMA, + UJAR PERDANA** MENTERI. -- **LAGI**.

1453MST 04 12 84

D252

U 8928 AAB

MAHATHIR 2 KUALA SELANGOR

BELIAU BERKATA, KALAU DAHULU **ISU** MENGKAFIR **INI** MAHU **DISELESAIKAN** MELALUI **PERDEBATAN**, TETAPI YANG DI-PERTUAN **AGONG** DAN RAJA-RAJA TELAH **MEMBUAT KEPUTUSAN SUPAYA** PERDEBATAN **TERSEBUT** **DIBATALKAN** KERANA **ISU** **INI** BUKANNYA TERMASUK DALAM **SOAL-SOAL POLITIK.**

+ **SEBAGAI** KETUA KERAJAAN DAN PRESIDEN PARTI, **SAYAMENGHORMATI** DAN MEMATUHI KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT **OLEH MAJLIS RAJA-RAJA, + UJAR BELIAU**.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ISU **TERSEBUT** MASIH BELUM SELESAI D A N KEADAAN **MASIH** BELUM **LEGA**.

+ **SAYA** A K A N **HANYA** BERASA **LEGA** **HANYA** JIKA TIDAK PERLU DIADAKAN SEBARANG TINDAKAN KERANA TIADA SESIAPA YANG HENYALAHGUNAKAN AGAMA DAN UNDANG-UNDANG DAN BERSYUKUR APABILA TIADA **LAGI** PERPECAHAN DI KALANGAN **UMAT ISLAM, + TAMBAH BELIAU**.

+ TETAPI JIKA KEADAAN SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT PERLUNYA DIADAKAN UNDANG-UNDANG **BAGI** MENCEGAH PERBUATAN MENGKAFIR SESAMA **ISLAM, INI** ADALAH SATU TAHAP YANG **MEMALUKAN ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI, + TAMBAHNYA**. -- **LAGI**.

1456MST 04 12 84

D233

U 8929 AAB

MAHATHIR 3 KUALA SELANGOR

MENGENAI **SOAL SAMA** ADA PERLU DIADAKAN SEBARANG **PERHIMPUNAN** **BAGI** MENJELASKAN KEPADA RAKYAT MENGENAI UNDANG-UNDANG YANG **MUNGKINAKAN** DIGUBAL **ITU, PERDANA** MENTERI BERKATA **INI** TIDAK PERLU DIADAKAN.

BELIAU **BERKATA, INI** ADALAH KERANA TIDAK MUNASABAH JIKA **SESEORANG** MEMBUAT KESALAHAN DENGAN **ALASAN** DIA TIDAK MENGETAHUI UNDANG-UNDANG.

MENGENAI LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL **OLEH UMNO, PERDANA** MENTERI **BERKATA, BELIAU** TERPAKSA MENJELASKAN PERKARA **TERSEBUT** DULU KEPADA **PANA** ANGGOTA MAJLIS **TERTINGGI UMNO.** -- **BERNAMA**.

1459MST 04 12 84